



Peningkatan suhu di Malaysia berterusan hingga Mac nanti

Amir Abd Hamid
amir_hamid@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Fenomena peningkatan suhu mendadak di Malaysia dijangkakan berterusan sehingga Mac nanti kerana negara berada pada fasa akhir Monsun Timur Laut ketika ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mendapati dalam tempoh itu, taburan hujan adalah agak rendah di Semenanjung Malaysia terutamanya di utara.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah MetMalaysia Muhammad Helmi Abdullah berkata, pihaknya tidak menjangkakan keadaan cuaca panas luar biasa akan berlaku pada tahun ini.

"Taburan hujan yang rendah dan litupan awan yang kurang dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan cuaca panas bermula tengah hari hingga ke lewat malam.

"Cuaca panas yang dialami pada ketika ini adalah satu fenomena biasa sepanjang tempoh antara Januari hingga April setiap tahun.

"Suhu tertinggi pada Januari yang dicerap oleh MetMalaysia adalah 36.6 darjah celsius dicatatkan di Stesen Meteorologi Chuping pada 29 Januari lalu, manakala pada 2021 pula adalah 34.6 darjah celsius yang dicerap di Stesen Meteorologi Langkawi pada 28 Januari tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, keadaan cuaca panas yang dialami di kebanyakan kawasan negara dalam tempoh ini dijangka beransur reda bermula pertengahan April nanti.

Ketika ditanya sama ada keadaan itu boleh mencetuskan serangan strok haba serta persediaan perlu dilakukan orang ramai bagi menghadapinya, Muhammad Helmi berkata, dalam keadaan cuaca panas, semua pihak dinasihatkan supaya mengambil langkah penjimatan dalam penggunaan air.

"Orang ramai juga dinasihatkan untuk mengelakkan aktiviti pembakaran terbuka, mengurangkan aktiviti-aktiviti di luar dan minum air secukupnya.

"MetMalaysia sentiasa memantau keadaan cuaca di seluruh negara dan akan mengeluarkan Nasihat Gelombang Haba sekiranya bacaan suhu maksimum harian melebihi 37 darjah celsius untuk tiga hari berturut-turut.

"Orang ramai disarankan supaya sentiasa peka dengan perubahan cuaca serta mendapatkan maklumat dan amaran cuaca terkini melalui laman sesawang rasmi, aplikasi myCuaca dan media sosial MetMalaysia," katanya.

Disiarkan pada: Februari 3, 2022 @ 4:57pm